

# SIARAN MEDIA

*Untuk Siaran Segera*



## **BANK ISLAM LANJUT PENGECUALIAN CAJ DUITNOW QR**

**KUALA LUMPUR, Jumaat, [29 September 2023]:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) memberi jaminan bahawa para peniaga boleh terus menerima bayaran melalui perkhidmatan DuitNow QR tanpa kos, sehingga diberitahu kelak.

Bank Islam komited untuk memastikan komunikasi telus dalam sebarang perubahan kepada struktur fi kepada semua peniaga.

Untuk sebarang pertanyaan, para peniaga boleh menghubungi Pusat Panggilan Bank Islam melalui emel di [contactcenter@bankislam.com.my](mailto:contactcenter@bankislam.com.my).

---

### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sdn Bhd. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

Untuk maklumat lanjut, sila emel ke: [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my)